



## PENUTUP SEMENTARA CAWANGAN SERTA PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR) KAKITANGAN IBU PEJABAT CBP

1. Susulan daripada kenyataan media oleh Menteri Kanan Pertahanan Malaysia pada 1 Julai 2021 berhubung pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa mukim di Selangor dan beberapa lokaliti di WP Kuala Lumpur bermula 3 Julai 2021 sehingga 16 Julai 2021, dimaklumkan bahawa cawangan CBP yang berikut akan ditutup secara sementara bagi tempoh tiga (3) hari pada 7 dan 9 Julai 2021:
  - i. Cawangan Setapak serta Outlet Ar-Rahnu Setapak
  - ii. Cawangan Kuala Lumpur
  - iii. Cawangan Shah Alam dan,
  - iv. Cawangan Putrajaya.
2. Kakitangan ibu pejabat CBP di Wisma JCBNext, Kuala Lumpur juga akan beroperasi secara BDR sepenuhnya bagi tempoh yang sama.
3. Para pelanggan masih boleh melakukan transaksi dalam talian melalui laman web CBP di [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my) atau melalui aplikasi mobil MyCoopbank atau ke cawangan CBP yang lain yang berdekatan.
4. Kesemua pelanggan adalah **diwajibkan** memakai pelitup muka (face mask) di sepanjang tempoh berurusan di premis-premis CBP.
5. CBP komited di dalam memastikan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan kekal berada di tahap yang terbaik pada setiap masa. Bagi sebarang pertanyaan, pelanggan boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan CBP melalui emel [info@cbp.com.my](mailto:info@cbp.com.my) atau di talian 1-300-88-7650.

Terima kasih.

Unit Komunikasi Korporat  
Jabatan Transformasi ([transformasi@cbp.com.my](mailto:transformasi@cbp.com.my))  
Co-opbank Pertama  
7 Julai 2021

### Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 28 buah cawangan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).